Booi Kim Lee lwn Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Satu Lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — NOTIS USUL PEMULA NO R1-25-160 TAHUN 1996
ABDUL KADIR SULAIMAN H
1 APRIL 1998

Acara Sivil *— Penyampaian — Luar aturan dalam penyampaian — Pernyataan dan afidavit tidak disampaikan bersekali dengan notis usul pemula tetapi telah disampaikan sebelum pendengaran notis usul — Sama ada wajib permohonan pemohon melalui notis usul pemula ditolak — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 3(1)*

Melalui suatu notis usul pemula, pemohon telah memohon suatu perintah certiorari terhadap keputusan penentang pertama. Penentang pertama, melalui bantahan awal, telah memohon agar notis usul pemula pemohon ditolak kerana ketidakpatuhan kepada kehendak A 53 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') yang mengikutnya menghendaki supaya pernyataan dan afidavit yang diperlukan oleh k 1(2) disampaikan bersekali dengan notis usul pemula. Peguam pemohon mengakui bahawa hanya notis usul pemula sahaja yang disampaikan kepada penentang pertama pada 4 Ogos 1997. Walaupun begitu katanya, kedua-dua jenis dokumen berkenaan telah disampaikan kepada penentang pertama pada 7 Februari 1998 dan peguam penentang pertama telah menerimanya atas dasar tanpa prejudis.

Isu di hadapan mahkamah ialah sama ada wajib permohonan pemohon melalui notis usul pemula ditolak semata-mata di atas asas bahawa dua jenis dokumen yang berkenaan telah tidak disampaikan bersama pada satu ketika semasa penyampaian notis usul pemula tersebut dibuat ke atas penentang pertama pada 4 Ogos 1997.

Diputuskan, menolak bantahan awal:

Memang seeloknya pernyataan dan afidavit yang berkenaan itu disampaikan bersama ketika penyampaian sesuatu notis usul pemula di bawah k 2(3) dilakukan, tetapi jika ini tidak dilakukan, tidaklah pula bermakna semestinya permohonan melalui notis usul berkenaan perlu ditolak, dengan syarat ianya hendaklah disampaikan pada bila-bila masa sebelum pendengaran notis usul di bawah A 53 k 2(1) KMT. Jika penyampaian tidak dilakukan sehingga ketika itu, permohonan melalui notis usul wajar ditolak kerana permohonan tersebut tidak disokong oleh suatu pernyataan yang antara lain, membentangkan alasan-alasan yang berdasarkannya relief-relief diminta dan juga tidak disokong oleh apa-apa keterangan yang menentusahkan fakta-fakta yang kepadanya permohonan itu disandarkan. Juga, tanpa penyampaian sedemikian, ianya telah menidakkan hak penentang-penentang untuk mencabar kebenaran yang diperolehi oleh pemohon sebelum itu untuk memohon relief-relief berkenaan.

Dengan pandangan sedemikian dan berasas kepada fakta bahawa di dalam kes ini dokumen-dokumen berkenaan telah pun disampaikan kepada penentang pertama lama sebelum tarikh pendengaran notis usul pemula, bantahan awal peguam penentang pertama adalah dengan ini ditolak dan tarikh pendengaran notis usul pemula ini hendaklah diteruskan (lihat ms 811G–I dan 812B); *Charles Edward Marlissa lwn Timber Master (M) Sdn Bhd & Satu Lagi* [1997] 3 MLJ 199 dibeza.

[English summary

By a notice of originating motion, the applicant had applied for an order of certiorari against the first respondent's decision. The first respondent, through a preliminary objection, prayed that the applicant's notice of originating motion be dismissed for non-compliance with the requirements of O 53 r 3(1) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') which according to him require the statement and affidavit under r 1(2) to be served together with the notice of originating motion. Counsel for the applicant admitted that only the notice of originating motion was served on the first respondent on 4 August 1997. In spite of what he said, both documents in question were served on the first respondent on 7 February 1998 and counsel for the first respondent had received them on a without prejudice basis.

The issue before the court was whether the applicant's application through the notice of originating motion should necessarily be refused purely on the basis that the two types of documents in question had not been served together at once when service of the notice of originating motion was effected on the first respondent on 4 August 1997.

Held, dismissing the preliminary objection:

It is desirable to have the relevant statement and affidavit served when service of a notice of originating motion under r 2(3) is effected, but if this was not done, it did not necessarily mean the application by notice of motion in question had to be refused, provided it was served any time prior to the hearing of the notice of motion under O 53 r 2(1) of the RHC. If service is not effected up till then, the application by notice of motion is dismissed accordingly because the application was not supported by a statement which, inter alia, set out the grounds upon which the reliefs were prayed for and was also not supported by any evidence which verified the facts upon which the application relied. Also, without such service, it had waived the respondents' right to challenge the leave obtained earlier by the applicant to apply for the reliefs in question.

In view of this and based on the facts that in this case the documents in question had already been served on the first respondent long before the date of hearing of the notice of originating motion,

A the preliminary objection by counsel for the first respondent was therefore dismissed and the date of hearing this notice of originating motion was to continue (see pp 811G–I and 812B); *Charles Edward Marlissa lwn Timber Master (M) Sdn Bhd & Satu Lagi* [1997] 3 MLJ 199 distinguished.]

B

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai luar aturan dalam penyampaian, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 2980–2982.

C

Kes yang dirujuk

Charles Edward Marlissa lwn Timber Master (M) Sdn Bhd & Satu Lagi [1997] 3 MLJ 199 (dibeza)

D **Undang-undang yang dirujuk**

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 kk 1(2), 2(1), 3(1)

S Shankar (*P Kuppusamy & Co*) untuk pihak pemohon.

Al-Baishah bte Abdul Manan (Peguam Kanan Persekutuan) untuk pihak penentang pertama.

E *Haslina Hassan* (*Sharizat & Tan*) untuk pihak penentang kedua.

Cur Adv Vult

F **Abdul Kadir Sulaiman H**: Di dalam notis usul pemula ini, pemohon memohon suatu perintah certiorari bagi menghapuskan keputusan penentang pertama bertarikh 28 Oktober 1996 kerana tidak merujukkan representasi yang dibuatnya di bawah s 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 kepada Mahkamah Perusahaan untuk satu award. Dalam permohonan tersebut juga, pemohon memohon suatu perintah mandamus mengarahkan G penentang pertama supaya berbuat demikian. Kebenaran untuk pemohon memohon perintah-perintah tersebut telah diberi pada 24 Jun 1997 yang lalu. Maka pada 5 Julai 1997, pemohon telah memfailkan notis usul pemula tersebut dan telah dijadualkan untuk pendengaran pada 5 November 1997.

H Tetapi pada hari tersebut, peguam pemohon telah memohon tangguh untuk membuat persediaan hujah terhadap bantahan awal yang telah diberi notis kepadanya oleh peguam penentang pertama pada 4 November 1997 iaitu satu hari sebelum tarikh jadual pendengaran. Bantahan awal tersebut adalah di atas ketidakpatuhan pemohon kepada kehendak A 53 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (selepas ini disebut sebagai I 'KMT') oleh kerana kenyataan dan afidavit yang diperlukan oleh k 1(2) KMT telah tidak disampaikan kepada penentang pertama bersekali dengan notis usul pemula tersebut. Dengan yang demikian, mahkamah telah menangguhkan kepada 11 Februari 1998 untuk mendengar hujah terhadap bantahan awal yang telah dikemukakan oleh peguam penentang pertama itu.

Sebelum penangguhan dibuat, peguam pemohon membayangkan bahawa memang benar kenyataan dan afidavit berkenaan telah tidak disampaikan bersekali semasa menyampaikan notis usul pemula kepada penentang pertama pada 4 Ogos 1997. Alasannya ialah disebabkan satu 'oversight'. Pada 11 Februari 1998, Puan Al-Baishah, peguam kanan persekutuan yang mewakili penentang pertama memohon agar notis usul pemula pemohon ini ditolak dengan kos kerana ketidakpatuhan kepada kehendak A 53 k 3(1) KMT yang mengikutnya menghendaki supaya kenyataan dan afidavit itu disampaikan bersekali dengan notis usul pemula. Ia merujuk kepada *Charles Edward Marlissa lwn Timber Master (M) Sdn Bhd & Satu Lagi* [1997] 3 MLJ 199 bagi menyokong hujahnya. Isu di hadapan mahkamah di dalam kes berkenaan ialah sama ada kegagalan pemohon mematuhi kehendak-kehendak di bawah A 53 telah mengakibatkan permohonannya menjadi padah dan terbatal. Di situ, di antara perkara yang tidak mematuhi kehendak aturan tersebut ialah ketiadaan bukti bahawa salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan meminta kebenaran telah disampaikan dengan notis usul kepada penentang-penentang. Mahkamah di dalam kes tersebut telah membatalkan notis usul pemohon dengan kos. Mahkamah telah menyenaraikan tujuh syarat sebelum permohonan untuk mendapatkan perintah certiorari, larangan atau mandamus dapat dibenarkan oleh mahkamah di bawah A 53 KMT, yang satu daripadanya ialah salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan meminta kebenaran di bawah A 53 k 1 KMT mestilah disampaikan dengan notis usul kepada semua orang yang terlibat seperti yang dikehendaki oleh A 53 k 3(1) tersebut.

Semasa berhujah di hadapan saya, peguam pemohon sekali lagi mengakui bahawa memang benar pada 4 Ogos 1997 hanya notis usul pemula ini sahaja yang disampaikan kepada penentang pertama walaupun dokumen-dokumen berkenaan bersama notis usul pemula telah disampaikan kepada penentang kedua, iaitu majikan kepada pemohon. Walaupun begitu katanya, kedua-dua jenis dokumen berkenaan telah disampaikan kepada penentang pertama pada 7 Februari 1998, iaitu selepas tarikh penangguhan yang lalu. Peguam penentang pertama telah menerimanya atas dasar tanpa prejudis.

Jadi isunya sekarang wajibkah permohonan pemohon melalui notis usul pemula ini ditolak semata-mata di atas asas bahawa dua jenis dokumen yang berkenaan telah tidak disampaikan bersama pada satu ketika semasa penyampaian notis usul pemula tersebut dibuat ke atas penentang pertama pada 4 Ogos 1997? Sebaliknya penyampaiannya hanya dibuat selepas itu, iaitu pada 7 Februari 1998. Bagi menjawab persoalan ini, perlulah difahami semangat di sebalik kehendak kepada penyampaian dokumen-dokumen berkenaan kepada semua orang yang terlibat secara langsung di dalam prosiding. Kedua-dua dokumen tersebut pertama kalinya timbul di dalam prosiding ex-parte untuk pemohon memperolehi kebenaran memohon perintah-perintah yang dipohon melalui notis usul pemula ini sekarang. Oleh kerana prosiding untuk kebenaran itu adalah melibatkan pendengaran pihak pemohon di satu pihak sahaja tanpa penglibatan mana-mana

penentang, semestinya dokumen-dokumen yang berkenaan telah tidak dikehendaki disampaikan kepada penentang-penentang pada ketika itu. Setelah kebenaran diperolehi oleh pemohon untuk memohon perintah-perintah yang ingin dipohon itu, A 53 k 2(1) KMT menghendaki pemohon menyampaikan notis usul pemula memohon perintah-perintah — yang kebenaran untuk memohonnya telah diberikan itu kepada penentang-penentang — selewat-lewatnya lapan hari genap sebelum tarikh pendengaran notis usul pemula tersebut. Tetapi seperti yang termaklum, notis usul pemula berkenaan tidak secara sendirinya mengandungi pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah k 1(2) KMT. Tetapi oleh kerana pada peringkat notis usul pemula di bawah k 2(1) KMT melibatkan pendengaran dua pihak iaitu pemohon dan penentang-penentang, pihak penentang-penentang perlu diberitahu alasan yang berdasarkannya relief itu diminta oleh pemohon yang semestinya ada terkandung di dalam pernyataan yang diadakan mengikut peruntukan k 1(2) KMT dan, berkenaan dengan afidavit-afidavit menyokong permohonan minta kebenaran pula, ia adalah merupakan keterangan bersumpah dari pihak pemohon yang menentusahkan fakta-fakta yang kepadanya permohonan minta kebenaran itu disandarkan yang keterangan ini perlu diketahui juga oleh penentang-penentang. Dengan mendedahkan kedua-dua jenis dokumen ini, penentang-penentang akan berkemampuan menyediakan apa-apa pembelaan terhadap notis usul pemula pemohon itu semasa pendengarannya nanti. Juga pendedahan sedemikian memungkinkan penentang-penentang mengemukakan permohonan untuk membatalkan kebenaran yang telah diberikan kepada pemohon itu jika difikirnya perlu. Dengan yang demikian, k 3(1) KMT mensyaratkan:

> Salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah kaedah 1 mestilah disampaikan dengan notis usul atau saman di bawah kaedah 2 dan, tertakluk kepada perenggan (2), tiada alasan boleh dijadikan sandaran atau apa-apa relief diminta di pendengaran usul atau saman itu kecuali alasan-alasan dan relief yang dinyatakan dalam pernyataan tersebut.

Dengan yang demikian, pada pendapat saya, setelah memahami maksud kehendak A 53 k 3(1) KMT memang seeloknya pernyataan dan afidavit yang berkenaan itu disampaikan bersama ketika penyampaian sesuatu notis usul pemula di bawah k 2(3) dilakukan, tetapi jika ini tidak dilakukan tidaklah pula bermakna semestinya permohonan melalui notis usul berkenaan perlu ditolak dengan syarat ianya hendaklah disampaikan pada bila-bila masa sebelum pendengaran notis usul di bawah A 53 k 2(1) KMT. Jika penyampaian tidak dilakukan sehingga ketika itu, permohonan melalui notis usul wajar ditolak kerana permohonan tersebut tidak disokong oleh suatu pernyataan yang antara lain, membentangkan alasan-alasan yang berdasarkannya relief-relief diminta dan juga tidak disokong oleh apa-apa keterangan yang menentusahkan fakta-fakta yang kepadanya permohonan itu disandarkan. Juga, tanpa penyampaian sedemikian, ianya telah menidakkan hak penentang-penentang untuk mencabar kebenaran yang diperolehi oleh pemohon sebelum itu untuk memohon relief-relief

berkenaan. Oleh itu, kes *Charles Edward Marlissa* yang ditonjolkan oleh peguam penentang pertama tidaklah boleh digunakan sebagai autoriti untuk menolak notis usul pemula ini semata-mata kerana salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah A 53 k 1 KMT itu telah tidak disampaikan bersama ketika dengan penyampaian notis usul pemula berkenaan. Dengan pandangan sedemikian dan berasas kepada fakta bahawa di dalam hal ini sekarang dokumen-dokumen berkenaan telah pun disampaikan kepada penentang pertama lama sebelum tarikh pendengaran notis usul pemula, bantahan awal peguam penentang pertama adalah dengan ini ditolak dan tarikh pendengaran notis usul pemula ini hendaklah diteruskan.

Bantahan awal ditolak.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee